

Beberapa Aturan Adat .

Luak Jemrol

Beberapa Aturan Adat

Luak Jempol

Ini Bab Salah Atau Salah Salahan
Dalam Segi Adat

Dalam hal ini ada tiga bab yang dikatakan sabit bagi kesalahan dalam adat yang pertama terkurung mati, tertanda berhutang. Yang kedua salah merumahan. Yang ketiga salah salahan. Ini semua bukan satu hukumannya bak kata orang tua-tua tengok terbit baru dituai adat atas muafakat, muafakat atas buatan, buatan itulah adat bertolak ansur, bertimbang rasa disuruh oleh syarak, dibenarkan oleh adat. Adat mencari jalan baik, syarak menyuruh berbuat baik yang dikatakan adat terkurung mati. Maknanya adat sepenuhnya iaitu diganda adat istiadatnya. Selain daripada adat menceroboh, tiap satu suku umpamanya bagi pihak biduanda kaya menteri, anak dara kurang dua seratus janda dipenggal dua tambahan lagi istiadat terkejut tergepar. Istiadat puntung suloh istiadat tikar yang leleh pelita yang malap dan dibalikkan menuntut perbelanjaan dalam perundingan itu hingga selesai dan istiadat buapak semuanya ini tujuh ringgit selain daripada adat yang khas diatas tadi sebab perkara begini tak dibenarkan oleh adat ataupun syarak dan jikalau perempuan mendapat laki-laki diluruhkan segala adat melainkan adat mas kahwin sebab perempuan dalam jagaan ibu bapa dan waris sekedimnya.

Dalam segi adat soko sendiri yang melanggar adat bak kata orang tua-tua adat soko yang punya pusaka yang menjaga orang semenda yang memelihara. Bab yang kedua salah merumahan ini syaratnya laki-laki yang berhajatkan seorang perempuan dia datang dengan dua tiga orang menghantar iaitu diparas serambi sahaja dan bercakaplah salah seorang dengan terusterang akan hajatnya. Perkara begini terpulanglah keatas kedua pihak merundingkannya. Bagi adatnya tidak boleh diganda hanya yang wajib bagi adat saja sekurang-kurangnya dituntut itu pun kalau perempuan itu izin dinikahkan. Kalau tak izin diturunkan saja. Ini yang dikatakan adat bersendi syarak. Bak kata orang tua-tua merumah diterima boleh, diturunkan boleh tapi syarat menurunkan anakbuah orang kena adatnya tujuh minggu waris punya. Perkara begini pun tak dibenarkan oleh adat dan tidak digalakkan oleh syarak. Ini patut diketahui oleh tiap-tiap orang, khasnya orang yang memegang adat.

Yang ketiga salah salahan. Perkara ini sudah termasuk dalam lingkungan sumbang dua belas. Salah salahan ini ada tiga macam. Yang pertama jika terjumpa seorang lelaki dan perempuan berdua-duaan diwaktu yang sunyi samada anak dara ataupun janda yang disyaki sumbang oleh mak bapa ataupun saudara maranya boleh dihukum mengikut adat istiadat pinang meminang dan jikalau janda boleh dinikahkan saja mengikut mas kahwinnya. Itu semua mengikut perundingan diatas kedua pihak. Yang kedua kalau terjumpa dijalan-jalan dalam kawasan kampung lebih kurang begitu juga. Yang ketiga kalau terjumpa dipekan-pekan, perkara begini susah sedikit, boleh diserahkan kepada pihak kadi atau polis dan boleh dibawa kerumah ibu bapa. Kampung yang bersudut mengikut adat istiadat, mengikut sisi syaraknya atas suka sama suka kalau tidak pihal lelaki kena denda bayar adat istiadat buapak dan lembaga kerana sebab mencabuli adat kerana laki-laki yang memegang adat. Disini ada dua istilah adat. Yang pertama jalan raya titian batu, raja yang punya, jalan paya titian permatang, lembaga yang punya tengok tumbuh atas tentangnya.